



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
ARAS 9 & 10, BLOK E7, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 W.P. PUTRAJAYA



CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2000
Registration No : AR 4600

Telefon : (03)8883-3888
Faksimili : (03)8888-8835/36/37

Ruj.Kami

: Bil (II) KKM-61 (1918) Jld. 15
Tarikh : 3 Januari 2012

Seperi Senarai Edaran

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN ELAUN WAKTU BEKERJA FLEksi BAGI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN (S) 215/8/2-4 Klt.6(22) bertarikh 30 Disember 2011 berkenaan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju meluluskan pembayaran Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi Pegawai Perubatan Siswazah di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada kadar RM600.00 berkuat kuasa pada **1 September 2011**.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan urusan pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi adalah teratur dari segi norma dan pelaksanaannya, bersama-sama ini dikemukakan Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi bagi Pegawai Perubatan Siswazah di KKM seperti di **Lampiran A** untuk tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

3 Justeru, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan keputusan Kerajaan ini kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai di Bahagian Sumber Manusia, KKM di talian seperti berikut:-

- | | | |
|-----|-------------------------------------|-------------|
| 3.1 | Puan Suhaida Binti Mohd Kamirazaman | 03-88832713 |
| 3.2 | En. Nazar Azly Bin Zaberi | 03-88832702 |
| 3.3 | Cik Maslinda Binti Ramli | 03-88832334 |

4. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini adalah diharapkan agar Pegawai Perubatan Siswazah di KKM akan dapat melaksanakan tanggungjawab dan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ZULKIFLI BIN HAMZAH)
Bahagian Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

KSU

KPK

TKSU (P)

TKSU (K)

TKPK (P)

TKPK (KA)

TKPK (P&ST)

Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

**PANDUAN PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEksi BAGI PEGAWAI
PERUBATAN SISWAZAH DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENGENALAN

1. Kerja di luar waktu bekerja biasa merupakan sebahagian dari keperluan perkhidmatan dan latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). Sebelum 1 September 2011, semua PPS di Hospital Latihan Siswazah bertugas secara purata selama 80 jam seminggu, di mana PPS perlu bertugas secara berterusan selama 32 jam, iaitu 8 jam bekerja dalam Waktu Bekerja Pejabat diikuti dengan 16 jam bekerja di luar waktu bekerja biasa, seterusnya PPS akan bekerja semula keesokan harinya dan hanya diberikan perlepasan setelah selesai rondaan wad serta melakukan prosedur yang perlu diselesaikan. Sehubungan dengan itu PPS dibayar Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB). Kerajaan telah mengarahkan KKM mengkaji semula sistem ini dan susulan dari itu beberapa hospital telah dipilih untuk menjalankan projek perintis Waktu Kerja Fleksi Bagi PPS pada Jun 2011 dan seterusnya kesemua 41 Hospital Latihan Siswazah telah diarahkan untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi Bagi PPS mulai 1 September 2011.

TUJUAN

2. Waktu Kerja Fleksi diperkenalkan dengan memendekkan tempoh bertugas PPS kepada purata 60 jam seminggu secara purata bagi setiap posting, bagi membolehkan PPS menumpukan sepenuh perhatian pada latihan dan meningkatkan kualiti penjagaan perubatan.

PRINSIP WAKTU BEKERJA FLEKSI

3. Waktu Bekerja Fleksi yang diperkenalkan memperuntukkan purata waktu bekerja adalah 60 jam seminggu bagi setiap *posting*. Namun, Waktu Bekerja Fleksi ini mesti dilaksanakan mengikut kesesuaian dan bilangan PPS sedia ada di setiap hospital. Melalui pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi ini, semua PPS tidak lagi bekerja di luar waktu bekerja biasa selama 16 jam semalam secara berterusan seperti sebelum 1 September 2011.

PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA FLEKSI

4. Dalam mengatur Waktu Bekerja Fleksi bagi PPS, Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa:

- (i) Jumlah jam bekerja dalam seminggu adalah 60 jam secara purata bagi setiap *posting*.
- (ii) Jumlah jam bekerja seminggu hendaklah tidak melebihi 72 jam.
- (iii) Terdapat 2 opsyen (seperti perenggan 5) dalam melaksanakan tugas fleksi di mana pihak hospital mesti melaksanakan mengikut kesesuaian hospital dengan menggunakan bilangan PPS sediada.
- (iv) PPS perlu memenuhi keperluan latihan dan perkhidmatan bagi menjadikan mereka pegawai perubatan yang kompeten dan selamat mengamal prosedur perubatan.
- (v) Bagi memastikan PPS dapat melakukan prosedur secara *hands-on* di bawah pemantauan dan penyeliaan Pegawai Perubatan Pakar / Pegawai Perubatan Kanan dan mendapat pendedahan maksimum dalam latihan selari dengan aktiviti puncak rawatan pesakit di hospital seperti *grand round*, *teaching round*, aktiviti *Continuos Medical Education (CME)*, *Operation Theatre (OT) time* dan *day care services*, bilangan PPS ditugaskan pada sesi siang (pagi dan petang) hendaklah lebih ramai berbanding dengan sesi malam, dengan anggaran nisbah misalnya 70% PPS bekerja pada sesi siang dan 30% bekerja pada sesi malam mengikut keperluan hospital.
- (vi) PPS mesti diberikan *protected time* untuk aktiviti berikut :
 - (a) *Operation time*
 - (b) Aktiviti *Continuos Professional Development (CPD)*
 - (c) *Grand round* dan *teaching round*
 - (d) Aktiviti di *day care centre* dan klinik

- (vii) *Continuity of patient care* dan *patient safety* hendaklah menjadi keutamaan dengan diaturkan waktu *overlapping* untuk tujuan *passing over* bagi setiap Waktu Bekerja Fleksi.
- (viii) Tertakluk kepada kesesuaian, keperluan latihan dan perkhidmatan serta bilangan PPS sediada di hospital dan selaras dengan peraturan ditetapkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2005, Ketua Jabatan boleh mengaturkan Waktu Bekerja Fleksi lima hari bekerja seminggu dengan 2 hari rehat mingguan yang tidak semestinya ditetapkan pada hari Sabtu dan Ahad.
5. 2 opsyen Waktu Bekerja Fleksi adalah seperti berikut :
- 5.1 **Opsyen 1 - Sistem 3 Sesi**
- Sesi 1 :** 7.00 pagi hingga 6.00 petang (tempoh bekerja 11 jam)
- Sesi 2 :** 11.00 pagi hingga 11.00 malam (tempoh bekerja 12 jam)
- Sesi 3 :** 10.00 malam hingga 10.00 pagi (tempoh bekerja 12 jam)
- 5.2 **Opsyen 2 - Sistem 2 Sesi**
- Sesi 1 :** Waktu Bekerja Biasa (7 pagi – 5 petang) dan dilanjutkan sehingga pukul 12 malam (tempoh bekerja 16 jam secara berterusan).
- Sesi 2 :** Waktu Bekerja Biasa (7 pagi – 5 petang) dan diberikan pelepasan sehingga jam 11 malam dan kemudian bekerja semula dari jam 11 malam sehingga jam 2 petang keesokan harinya (tempoh bekerja 15 jam secara berterusan).
6. PPS layak dipertimbangkan oleh Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan kemudahan cuti yang berkelayakan, seperti penjawat awam lain termasuklah cuti kelepasan am atau cuti gantian kepada hari kelepasan am.
7. Pengarah Hospital dan Ketua Jabatan hendaklah memastikan Waktu Bekerja Fleksi yang diaturkan dapat memberikan PPS *protected time* untuk mengikuti aktiviti CME dan CPD sama ada di peringkat hospital atau peringkat jabatan.

ELAUN WAKTU BEKERJA FLEKSI

8. Elaun Waktu Bekerja Fleksi dibayar pada kadar RM600.00 sebulan kepada PPS yang memenuhi syarat berikut:

- (i) mempunyai sijil pendaftaran sementara dan dibenarkan mengamal oleh Majlis Perubatan Malaysia; dan
- (ii) bekerja secara Waktu Bekerja Fleksi tertakluk kepada peraturan ditetapkan di Perenggan 4 hingga 7 di atas.

9. PPS tidak layak Elaun Waktu Bekerja Fleksi dalam keadaan dan tempoh berikut:

- (i). Cuti Tanpa Gaji.
- (ii) Cuti Separuh Gaji.
- (iii) Tempoh Cuti Rehat termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi jumlah yang melebihi 28 hari berturut-turut.
- (iv) Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
- (v) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja.
- (vi) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

10. Elaun Waktu Bekerja Fleksi dibayar secara *proportionate* dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan / penempatan PPS tidak genap satu bulan kalendar, iaitu:

$$\frac{\text{Bilangan hari bekerja}}{\text{Bilangan hari dalam bulan tersebut}} \times \text{kadar sebulan}$$

(i) Contoh 1: Lapor Diri

Dr. Azizah, Pegawai Perubatan Siswazah UD41/UD1-1 telah melapor diri dan mula bekerja di Hospital Temerloh pada 15 November 2011. Maka, Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi bulan November 2011 akan dibayar mulai 15 November 2011 hingga 30 November 2011 dengan kadar seperti berikut:

$$\begin{array}{r} \underline{16} \times \text{RM}600.00 \text{ sebulan} = \text{RM}320.00 \\ -30 \\ \hline \end{array}$$

(ii) **Contoh 2 : Hadiri kursus**

Kapt (Dr) Raju, Pegawai Perubatan Siswazah UDZ41 telah diarahkan untuk menghadiri kursus oleh Kementerian Pertahanan Malaysia mulai 1 September 2011 hingga 28 November 2011. Maka, Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi bulan November 2011 akan di bayar dengan kadar seperti berikut:

$$\begin{array}{r} \underline{2} \times \text{RM}600.00 \text{ sebulan} = \text{RM}40.00 \\ -30 \\ \hline \end{array}$$

(iii) **Contoh 3: Cuti Tanpa Gaji**

Dr. Swee Tin, Pegawai Perubatan Siswazah UD41/UD1-1 yang telah berkhidmat selama 1 tahun diluluskan Cuti Tanpa Gaji atas urusan persendirian selama 1 bulan mulai 13 November 2011 hingga 12 Disember 2011. Sehubungan itu, Elaun Waktu Bekerja Fleksi bagi bulan November 2011 dan Disember 2011 akan di bayar dengan kadar seperti berikut:

Bulan November

$$\begin{array}{r} \underline{12} \times \text{RM}600.00 \text{ sebulan} = \text{RM}240.00 \\ -30 \\ \hline \end{array}$$

Bulan Disember

$$\begin{array}{r} \underline{18} \times \text{RM}600.00 \text{ sebulan} = \text{RM}360.00 \\ -30 \\ \hline \end{array}$$

11. PPS tidak lagi layak dibayar EKLWBB dan dalam keadaan tertentu misalnya bencana, wabak dan sebagainya di mana PPS diperlukan bertugas melebihi 60 jam dalam seminggu maka elaun yang dibayar adalah Elaun Waktu Kerja Fleksi sahaja.